

UUM ONLINE: Pasukan bola sepak veteran Universiti Utara Malaysia (UUM) telah meraih emas dalam perlawanan akhir yang penuh dramatik menewaskan Universiti Teknologi Mara (UiTM) melalui sepakan penalti 5-4 selepas kedua-dua pasukan terikat 1-1 di Kejohanan Sukan Staf Universiti Malaysia (SUKUM) ke-36 yang berlangsung di Stadium Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), baru-baru ini.

Sebelum keputusan dapat ditentukan oleh penentuan sepakan penalti, pemain tengah UUM, Abdul Wahab Din dari Jabatan Hal Akademik muncul penyelamat pasukan, selepas jaringannya pada dua minit sebelum tamat permainan menafikan gol awal pasukan UiTM yang dijaringkan pada minit ke 54 perlawanan.

Sementara itu, pada aksi peringkat kumpulan, UUM tewas pada UiTM 0-1, sebelum menang 2-0 menewaskan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) untuk layak ke peringkat suku akhir kejohanan.

Pada perlawanan suku akhir, UUM mengalahkan tuan rumah kejohanan, iaitu UTeM tiga gol berbalas satu, untuk melangkah ke separuh akhir dan berjaya membenam cabaran Universiti Sains Malaysia (USM) 2-0 pada peringkat tersebut untuk mara ke peringkat akhir.

=====
DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my
